

UMP pacu pembelajaran digital suntik minat pelajar dalam STEM



Pekan, 13 Julai – Seramai 162 pelajar daripada 18 buah sekolah sekitar negeri Pahang menyertai pertandingan Young Innovators Challenge 2017 peringkat negeri Pahang yang diadakan di Perpustakaan Universiti Malaysia Pahang (UMP) Pekan baru-baru ini.

Pertandingan dirasmikan oleh Dekan Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik UMP, Profesor Ir. Dr. Kamarul Hawari Ghazali yang turut dihadiri Ketua Unit Pembangunan Kemanusiaan Pendidikan Daerah Pekan, Tuan Kamaluddin Abdul Latif, Ketua Program, Dr. Nurul Hazlina Nordin, Perunding Teknikal Chumbaka, Dr. Chew Yen Sen dan Pengarah #mydigitalmaker dari Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC), Fadli Moja Amin.

Menurut Profesor Ir. Dr. Kamarul, pertandingan yang masuk kali kedua pada tahun ini bertujuan memupuk minat dan memberi inspirasi kepada para pelajar dalam pendidikan Sains, Teknologi, Matematik dan Kejuruteraan (STEM).



"Objektif program ini adalah bagi membentuk kemahiran insaniah para pelajar dalam kemahiran berfikir, menyelesaikan masalah serta mengaplikasikan pembelajaran jangka masa panjang melalui pendedahan *open-source software* dan *hardware*," katanya.

Selain itu, mahasiswa UMP bertindak sebagai mentor kepada pelajar yang menyertai pertandingan memndangkan mahasiswa yang dilatih untuk menggunakan komponen dan peralatan elektronik seperti *Arduino Embedded System*. Melalui aktiviti ini juga, mahasiswa UMP dapat melatih pelajar sekolah meminati bidang ini serta mempromosikan UMP sebagai salah satu pilihan untuk melanjutkan pelajaran kelak.

Pertandingan menyaksikan tiga buah kumpulan daripada tiga buah sekolah iaitu, kumpulan SMKIS 2 dari Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Indera Shahbandar, kumpulan SABS 2 dari SMK Sultan Abu Bakar dan kumpulan SHAROC 1 dari SMK Sultanah Hajah Kalsom telah muncul johan dan membawa pulang sijil penyertaan dan juga sijil kecemerlangan.

Bagi melayakkan mereka ke peringkat seterusnya, mereka perlu menghantar video projek inovasi berdurasi tiga minit kepada pihak Sime Darby untuk dinilai. Dalam pertandingan tersebut, kumpulan SMKIS 2 menghasilkan inovasi *Air Cooler* yang mana kipas berfungsi secara automatik menukar tiga kelajuan mengikut suhu persekitaran.



Kumpulan SABS 2 pula menghasilkan projek *Home Compost Bin*. Alat ini berfungsi menyimpan, memproses dan menukar sisa makanan menjadi baja organik. Inovasi *Fram Assistantbot* oleh kumpulan SHAROC 1 bagi membantu petani dalam penanaman dalam penyelesaian masalah menyebarkan insektisida, baja dan mengangkat alat penanaman. Mesin itu dikawal secara automatik dari jarak jauh bagi memudahkan kerja petani serta menjimatkan tenaga, masa dan wang.

Naib johan dimenangi oleh lima kumpulan daripada empat buah sekolah antaranya SMK Sultan Abu Bakar (SABS 1), SMK Tengku Abdullah (TA TEAM 1 dan TA TEAM 2), Sekolah Berasrama Penuh Intergrasi Tun Abdul Razak (INSTAR 1), dan Maahad Tahfiz Pahang (*Autonomous Aquaponic*).

Bagi tempat ketiga turut dimenangi oleh lima kumpulan daripada empat buah sekolah iaitu SMK Nenasi (*Success Solution*), SMK Sultanah Hajah Kalsom (SHAROC 2 dan SHAROC 4), SMK Ahmad Pekan (AHMADIAN 2), SMK Sultanah Hajah Kalsom dan Sekolah Berasrama Penuh Intergrasi Tun Abdul Razak (INSTAR 2). Kesemua mereka membawa pulang sijil penghargaan.

Sementara itu, bagi Tuan Kamaluddin pula, beliau menyampaikan rasa bangganya terhadap penyertaan para pelajar pada kali ini. Maklum balas yang diterima daripada pihak sekolah amat menggalakkan dan pelajar mendapat inspirasi dan semangat dalam bidang STEM ini. Mereka juga berjaya membangunkan kemahiran iaitu penyelesaian masalah, pemikiran kritis, sikap tabah dan bekerjasama antara mereka.



Sementara itu, Muhamad Izzat Fahmi Mohd Hazmi, 12 tahun dari kumpulan SHAROC 1 melahirkan rasa bangga apabila dapat menghasilkan reka cipta sendiri dengan idea sendiri dan menjadi pembakar semangat untuk terus menghasilkan reka cipta yang lebih baik dan memberi manfaat kepada semua.

Dalam pada itu, UMP telah dilantik oleh pihak MDEC sebagai hub #mydigitalmaker bagi memacu pembelajaran digital khususnya kepada warga pelajar sekolah di sekitar negeri Pahang. Program diakhiri dengan penyampaian sijil penyertaan kepada semua peserta dan sesi bergambar.



Disediakan oleh Siti Sarah Mohamad Rajimi dan disunting oleh Bahagian Komunikasi korporat.

Posted By : SITI SARAH BINTI MOHAMAD RAJIMI Date Posted : 21-07-2017, 15:11:41